

GONAL-F® SOLUTION FOR INJECTION IN PRE-FILLED PEN

Follitropin alfa (22mcg/0.5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Gonal-F
2. Bagaimana Gonal-F berfungsi
3. Sebelum menggunakan Gonal-F
4. Cara menggunakan Gonal-F
5. Semasa menggunakan Gonal-F
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Gonal-F
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Gonal-F

Di kalangan wanita dewasa, GONAL-F digunakan:

- Untuk membantu menghasilkan folikel (setiap satu mengandungi satu telur) di kalangan wanita yang tidak boleh mengovum (ovari tidak boleh menghasilkan telur) dan tidak mendapat kesan daripada rawatan dengan ubat yang dinamakan "clomiphene citrate".
- Untuk membantu menghasilkan beberapa folikel di kalangan wanita yang menjalani prosedur bantuan teknologi reproduktif (prosedur yang boleh membantu anda mengandung) seperti "pensenyawaan in vitro".

Bagaimana Gonal-F berfungsi

Gonal-F mengandungi follitropin alfa yang lebih kurang sama seperti hormon perangsang folikel (FSH) yang semulajadi dalam manusia. Gonal-F termasuk dalam kumpulan hormon yang dipanggil gonadotropin. FSH diperlukan dalam pertumbuhan dan perkembangan telur dalam wanita.

Sebelum menggunakan Gonal-F

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Gonal-F jika anda mempunyai alahan kepada sebarang ramuan yang disenaraikan di dalam risalah ini

Jangan gunakan Gonal-F jika anda mempunyai tumor hipotalamus atau kelenjar pituitary (kedua-duanya adalah sebahagian daripada otak).

Jangan gunakan Gonal-F jika anda

- mengandung
- menyusukan anak
- mempunyai ovari bengkak
- mempunyai pertumbuhan di ovarи
- mempunyai pendarahan rahim atau faraj luar biasa
- mempunyai kanser rahim, ovarи atau payu dara
- mempunyai kegagalan ovarи
- mempunyai kegagalan fungsi buah zakar
- mempunyai fibroid dalam rahim atau kecacatan organ seksual yang menghalang anda daripada mengandung

- Sebelum menggunakan Gonal-F

Doktor anda akan memeriksa kesuburan anda dan suami anda. Ini mungkin termasuk ujian bagi keadaan perubatan yang lain, yang boleh mengganggu keupayaan anda untuk hamil. Jika perlu, keadaan perubatan yang lain boleh dirawat sebelum memulakan rawatan kesuburan termasuk Gonal-F. Beritahu doktor anda jika anda mempunyai apa-apa alahan kepada makanan, pewarna, pengawet atau mana-mana ubat-ubatan lain.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai sebarang keadaan perubatan yang berikut:

- masalah kelenjar tiroid
- masalah kelenjar adrenal
- tahap *prolactin* tinggi dalam darah
- *porphyria* (ketidakupayaan untuk memecahkan porfirin yang boleh diturunkan oleh ibubapa kepada anak atau sejarah keluarga *porphyria*)

Doktor anda akan menilai jika anda mempunyai apa-apa keadaan perubatan yang mengganggu keupayaan anda untuk hamil.

Sindrom Perangsangan Ovari

Berlebihan [Ovarian Hyper-Stimulation Syndrome (OHSS)]

Rawatan dengan Gonal-F boleh meningkatkan risiko anda untuk mengalami satu keadaan yang dipanggil Ovarian Hyperstimulation Syndrome (OHSS).

Ini adalah apabila ovarи bertindak balas berlebihan kepada rawatan hormon dan menjadi lebih besar. Gejala paling biasa adalah sakit perut. Semasa rangsangan doktor anda akan memantau rawatan anda dengan menggunakan ultrabunyi dan/atau ujian darah untuk membantu menentukan sama ada anda berkemungkinan akan menghidap OHSS. Jika perlu doktor akan menunda atau membatalkan suntikan Gonal-F anda. Anda juga akan dinasihatkan supaya mengelakkan diri dari hubungan seks sehingga penghujung kitaran jika ini berlaku.

Kehamilan Berbilang

Berbanding dengan persenyawaan semulajadi, frekuensi kehamilan dan kelahiran berbilang adalah lebih tinggi pada orang-orang yang menerima rawatan-rawatan yang merangsang pertumbuhan folikel untuk induksi ovulasi. Majoriti ini adalah kembar. Doktor anda akan mengawasi tindak balas anda terhadap rawatan untuk mengurangkan peluang kehamilan berganda, kerana risiko lebih besar untuk ibu-ibu dan bayi.

Keguguran

Berbanding dengan persenyawaan semulajadi, kekerapan keguguran adalah lebih tinggi pada orang-orang yang menjalani rawatan untuk merangsang pertumbuhan folikel untuk induksi ovulasi.

Kecacatan Lahir

Mungkin ada sedikit peningkatan risiko kecacatan kelahiran di kalangan wanita yang menggunakan bantuan teknologi reproduktif. Ini mungkin disebabkan oleh beza dalam umur ibu,

ciri-ciri sperma atau kehamilan berganda.

Masalah pembekuan darah

Beritahu doktor anda jika anda atau ahli keluarga yang mempunyai atau pernah mempunyai tanda-tanda darah beku (contohnya sakit, kehangatan, kemerahan, kebas atau kesemutan di lengan atau kaki). Rawatan dengan Gonal-F dan hCG mungkin meningkatkan risiko pembekuan darah yang membentuk dalam saluran darah anda. Berbincang dengan doktor anda tentang apa-apa kebimbangan yang anda mungkin mempunyai sebelum menjalani rawatan atau sebelum anda mula menggunakan Gonal-F.

- Jika mengguna ubat-ubatan lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk:

- semua ubat yang dipreskripsi
- ubat-ubatan, vitamin, suplemen, herba atau terapi semula jadi yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya, pusat naturopati atau kedai makanan kesihatan

Sesetengah ubat mungkin terjejas oleh Gonal-F atau mungkin menjejaskan bagaimana ia berfungsi. Doktor anda mempunyai lebih banyak maklumat berkaitan ubat-ubatan yang perlu digunakan secara berhati-hati atau dielakkan sama sekali semasa menggunakan Gonal-F.

Cara menggunakan Gonal-F

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor, jururawat atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Rawatan dengan Gonal-F harus dimulakan di bawah seliaan doktor pakar yang berpengalaman dalam rawatan kesuburan. Gonal-F diberikan sebagai kursus suntikan setiap hari. Anda harus mengguna suntikan anda pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor akan menentukan dos Gonal-F yang sesuai untuk anda. Dos Gonal-F yang anda mungkin akan menerima bergantung pada respon anda kepada rawatan. Sila rujuk doktor anda jika

anda tidak pasti. Berikut adalah panduan kepada dos yang biasa.

1. Wanita yang tidak mengovum

Dos biasanya bermula pada 75-150IU (5.46-10.92 mikrogram) setiap hari, bermula dalam masa 7 hari pertama kitaran haid. Dos boleh diselaraskan semasa rawatan anda berlangsung. Dos mungkin diselaraskan semasa rawatan anda. Dos harian yang maksima adalah biasanya tidak lebih tinggi daripada 225 IU (16.38 mikrogram). Jika seseorang gagal untuk bertindak balas secukupnya selepas 4 minggu rawatan, kitaran harus ditinggalkan dan dia boleh memulakan semula rawatan pada dos yang lebih tinggi daripada kitaran yang lepas.

2. Wanita yang menjalani bantuan teknologi reproduktif

Dos biasanya bermula pada 150-225 IU (10.92-16.38 mikrogram) setiap hari, bermula pada hari ke-2 atau 3 kitaran. Dos mungkin diselaraskan semasa rawatan anda. Dos harian yang maksima biasanya tidak melebihi 450 IU (32.76 mikrogram). Secara umum, perkembangan folikel mencukupi dicapai secara purata pada hari ke-10 rawatan (julat 5-20).

- Bagaimana menyuntik

Suntikan pertama Gonal-F harus dilakukan di bawah pengawasan pegawai perubatan. Ini adalah ubat multidos yang digunakan untuk beberapa suntikan. Gonal-F bertujuan untuk disuntik oleh anda atau pasangan anda. Sebagai alternatif, doktor atau jururawat boleh memberi suntikan ini. Jika doktor atau jururawat anda membuat keputusan anda boleh memberi suntikan kepada diri anda, doktor atau jururawat akan mengajar anda teknik suntikan. Jangan suntik sendiri sehingga anda pasti bagaimana untuk melakukannya. Baca arahan penggunaan disediakan dalam pek dengan teliti sebelum memulakan suntikan. Pasangan anda boleh dilatih untuk memberi suntikan di rumah.

- Di mana perlu menyuntik

Gonal-F selalunya diberikan sebagai suntikan subkutaneus (di bawah kulit) di ruang bawah perut atau paha. Tempat suntikan perlu ditukar setiap

hari untuk mengurangkan reaksi di tempat suntikan.

Jangan menyuntik di mana anda merasa ketulan, benjolan, lekukan, sakit, atau mendapat apa-apa perubahan warna.

Berbincang dengan doktor anda jika anda mendapat apa-apa yang luar biasa apabila menyuntik.

- Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan berapa banyak dan berapa kerap ubat perlu disuntik.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan berbeza mengikut setiap orang. Anda mungkin mempunyai lebih dari satu kitaran rawatan Gonal-F.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda lupa suntikan atau tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau jururawat anda dengan segera untuk mendapatkan nasihat. Jangan gandakan dos. Tanya doktor anda jika anda tidak pasti apa yang perlu dibuat atau mengalami masalah mengingat suntikan ubat anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Sila hubungi doktor anda jika anda bimbang bahawa anda atau orang lain telah menyuntik terlalu banyak ubat Gonal-F. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan bahawa OHSS boleh berlaku.

Semasa menggunakan Gonal-F

- Perkara yang perlu dilakukan

Jumpa doktor anda dengan kerap. Doktor anda akan mengawasi anda dengan teliti sepanjang tempoh rawatan anda. Jika anda dimulakan dengan mana-mana ubat-ubatan baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda menggunakan Gonal-F.

Jika anda merancang untuk pembedahan, beritahu doktor atau doktor gigi bahawa anda menggunakan Gonal-F. Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang akan merawat anda bahawa anda menggunakan Gonal-F. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil ketika menggunakan Gonal-F.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jika anda meyuntik sendiri, jangan,
- Berhenti menggunakan Gonal-F tanpa memberitahu doktor anda.
- Tukar dos kecuali jika doktor anda memberitahu anda. Menukar dos anda tanpa dinasihati doktor anda boleh meningkatkan risiko mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini atau boleh menghalang ubat daripada berfungsi
- Memberikan ubat ini kepada sesiapa sahaja, walaupun gejala-gejala mereka kelihatan sama atau jika mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Gonal-F memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor anda secepat mungkin jika anda berasa tidak sihat ketika menggunakan Gonal-F. Semua ubat-ubatan boleh mempunyai kesan sampingan. Kadang-kadang kesan ini adalah serius. Kebanyakan masa adalah tidak. Tidak perlu bimbang dengan senarai kesan-kesan sampingan yang mungkin. Anda mungkin tidak akan mengalami apa-apa kesan sampingan. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda mungkin ada. Jika anda mendapat sebarang kesan sampingan jangan berhenti menggunakan Gonal-F tanpa bercakap dengan doktor anda.

Beritahu doktor anda dengan segera, atau pergi ke jabatan kecemasan di hospital terdekat anda jika anda mendapati mana-mana yang berikut

- tanda-tanda reaksi alahan, termasuk bengkok muka, bibir, lidah, atau bahagian lain tubuh, sesak nafas, semput atau sukar bernafas;
- ruam kulit yang teruk, gatal-gatal atau geligata

Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana yang berikut dan mereka bimbang anda

- sakit, kemerahan, kerengsaan atau bengkok di tapak suntikan semasa rawatan anda dengan Gonal-F

- tanda-tanda teruk OHSS seperti sakit perut teruk, sakit pelvis teruk, loya, muntah, cirit-birit yang diikuti oleh pertambahan berat badan yang cepat, kekurangan jumlah air kencing dan sesak nafas
- tanda-tanda amaran strok atau serangan jantung
- tanda-tanda darah beku seperti sakit, kehangatan, kemerahan di lengan atau kaki
- kehamilan ektopik (embrio yang diimplan di luar rahim) mungkin berlaku, terutamanya di kalangan wanita dengan *tubal disease*
- sakit kepala, pening,
- sakit perut, abdomen kembung atau perut tidak selesa

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh juga berlaku dalam beberapa orang. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Gonal-F**- Penyimpanan**

Simpan di dalam peti sejuk (2°C - 8°C). Jangan bukukan. Sebelum pembukaan dan dalam masa hayatnya, produk ubat-ubatan boleh dialih keluar dari peti sejuk, tanpa disimpan dalam peti sejuk sekali lagi, sehingga tamat tempoh 3 bulan pada atau di bawah 25°C. Produk mesti dibuang jika ia tidak digunakan selepas 3 bulan.

Simpan dalam pakej asal, untuk melindungi daripada cahaya. Sebaik sahaja dibuka, produk ubat-ubatan boleh disimpan untuk tempoh maksimum 28 hari pada atau di bawah 25°C. Anda harus tulis pada pen GONAL-F hari penggunaan pertama.

Jangan gunakan Gonal-F jika larutan mengandungi zarah atau keruh. Jangan gunakan produk selepas tarikh luput yang dicetak pada label. Jangan gunakan Gonal-F jika anda perasan sebarang tanda-tanda kerosakan kepada bekas. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika anda suntik sendiri, anda patut buang semua bahan tajam ke dalam unit pelupusan. Jika anda mempunyai sebarang Gonal-F yang telah luput atau baki daripada rawatan sila rujuk klinik anda.

Maklumat Lanjut**- Rupa dan warna produk****Gonal-F 300 IU/0.5 ml**

0.5 ml larutan jelas tidak berwarna untuk suntikan dalam kartrij 3 ml (kaca Type I), dengan penyumbat pam (getah *halobutyl*) dan penutup *crimp* aluminium dengan getah hitam. Pek satu pen sedia berisi dan 8 jarum untuk digunakan dengan pen semasa suntikan.

Gonal-F 450 IU/0.75 ml

0.75 ml larutan jelas tidak berwarna untuk suntikan dalam kartrij 3 ml (kaca Type I), dengan penyumbat pam (getah *halobutyl*) dan penutup *crimp* aluminium dengan getah hitam. Pek satu pen sedia berisi dan 12 jarum untuk digunakan dengan pen semasa suntikan.

Gonal-F 900 IU/1.5 ml

1.5 ml larutan jelas tidak berwarna untuk suntikan dalam kartrij 3 ml (kaca Type I), dengan penyumbat pam (getah *halobutyl*) dan penutup *crimp* aluminium dengan getah hitam. Pek satu pen sedia berisi dan 20 jarum untuk digunakan dengan pen semasa suntikan.

Bukan semua saiz pek dipasarkan

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Follitropin alfa

- Bahan tidak aktif: Poloxamer 188, Sucrose, Methionine, Sodium dihydrogen phosphate monohydrate, Disodium phosphate dihydrate, m-Cresol, Phosphoric acid, concentrated Sodium hydroxide, Water for injection

- Nombor MAL:

MAL20112176AZ

Pengilang

Merck Serono S.p.A, Via delle Magnolie 15 (Zona Industriale), I-70026, Modugno (BA), Italy

Pemegang Pendaftaran Produk

Merck Sdn Bhd (178145-V)

Level 3, Menara Sunway Annexe,

Jalan Lagoon Timur

Bandar Sunway

46150, Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tarikh Kemaskini RiMUP:

11/07/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)040717/00165

Arahan Penggunaan

1. Bagaimana menggunakan Gonal-F pen sedia berisi

- Jangan berkongsi pen. Pen tersebut untuk suntikan subkutaneus sahaja.

• Nombor tersebut pada Paparan Dos diukur dalam Unit Antarabangsa atau IU. Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak IU perlu disuntik setiap hari.

• Nombor dipaparkan Paparan Dos akan membantu anda untuk:

- Dail dos ditetapkan.



- Mengesahkan suntikan yang lengkap.



- Baca baki dos yang akan disuntik dengan pen kedua.



- Beri diri anda suntikan pada masa yang sama setiap hari.

- Doktor / ahli farmasi anda akan memberitahu anda berapa banyak pen yang anda perlukan untuk menyelesaikan rawatan anda.

2. Bagaimana menggunakan diari rawatan pen sedia berisi Gonal-F anda

- Gunakan diari rawatan untuk merekod jumlah IU disuntik oleh anda setiap kali.

- Merekodkan nombor hari rawatan, Tarikh dan masa suntikan anda.

- Dalam baris pertama jadual jumlah pen anda sudah direkodkan untuk anda.

- Merekodkan dos yang ditetapkan dalam bahagian "Dos Ditetapkan".

- Sahkan anda dail dos yang betul, sebelum menyuntik.

- Selepas suntikan, membaca nombor yang ditunjukkan dalam Paparan Dos.

- Sahkan anda menerima suntikan lengkap atau merekod nombor yang ditunjukkan di Paparan Dos jika berlainan daripada " 0 ".

- Apabila diperlukan, menyuntik diri sendiri dengan menggunakan pen kedua, mendail baki dos anda yang ditulis dalam bahagian "Jumlah ditunjukkan selepas Suntikan".

- Rekod baki dos ini dalam bahagian "Amaun Ditetapkan untuk Suntikan" di barisan seterusnya.

AWAS:

Menggunakan diari rawatan anda untuk merekod suntikan harian anda membolehkan anda untuk mengesahkan setiap hari yang anda menerima dos ditetapkan sepenuhnya.




3. Sebelum mula menggunakan pen sedia berisi Gonal-F anda

- Basuh tangan anda dengan sabun dan air.

- Cari kawasan yang bersih dan permukaan yang rata.

- Sahkan tarikh luput pada label pen.

- Keluarkan dan kumpulkan semua yang anda perlukan:



- Tombol penetap dos
- Paparan Dos
- Omboh pam
- Penahan takungan
- Penyambung jarum beralur
- Penutup pen
- Jalur penutup boleh kopek
- Jarum boleh ditanggalkan
- Sarung penutup dalam jarum
- Sarung penutup luar jarum
- Swab alkohol
- Bekas pelupusan alatan tajam

4. Mendapatkan pen sedia berisi Gonal-F anda bersedia untuk suntikan

4.1. Tanggalkan penutup pen

4.2. Mengesahkan bahawa Paparan Dos ditetapkan kepada " 0 " .



4.3. Sediakan jarum anda untuk suntikan

- Dapatkan jarum baru - hanya menggunakan jarum sekali guna yang dibekalkan.

- Pegang sarung penutup luar jarum tegas.

- Semak bahawa jalur penutup boleh kopek pada sarung penutup luar jarum tidak rosak atau longgar.

- Keluarkan jalur penutup boleh kopek.



PERHATIAN: Jika jalur penutup boleh kopek rosak atau longgar, jangan menggunakan jarum. Buangkan dalam bekas pelupusan alatan tajam. Dapatkan jarum baru.

4.4. Memasangkan jarum

- Skru hujung pen sedia berisi Gonal-F yang beralur pada penutup luar jarum sehingga ketat.




Amaran: Jangan memasangkan jarum terlalu ketat; jarum itu boleh menjadi sukar untuk dikeluarkan selepas suntikan.



- Keluarkan sarung penutup luar jarum dengan menariknya perlahan-lahan. Letakkan ia di tepi untuk digunakan kemudian.



- Pegang pen sedia berisi Gonal-F dengan jarum menunjuk ke atas.




- Berhati-hati semasa mengeluarkan dan membuang perisai hijau dalaman.

4.5. Melihat dengan teliti di hujung jarum untuk titisan cecair kecil.

- Jika anda melihat titisan cecair kecil, teruskan ke Bahagian 5: Menetapkan dos yang ditetapkan oleh doktor anda.

Amaran: HANYA menyemak titisan cecair kecil pertama kali anda menggunakan Gonal-F pen sedia berisi baru untuk mengeluarkan udara di dalam sistem.



AWAS: *Jika anda tidak melihat titisan cecair kecil pada atau berhampiran hujung jarum kali pertama anda menggunakan pen baru, anda perlu melakukan langkah-langkah pada langkah seterusnya.*

Jika anda tidak melihat titisan cecair kecil pada atau berhampiran tip ini semasa kali pertama anda menggunakan pen baru:




Perlahan-lahan putar tombol penetap dos mengikut arah jam sehingga ia dibaca 25 dalam Paparan Dos. Anda boleh memusingkan tombol penetap dos ke belakang jika anda memusing melepas 25.




- Pegang pen dengan jarum menunjuk ke atas.

- Ketik penahan takungan perlahan-lahan.

- Tekan tombol penetap dos sejauh mana ia akan pergi. Titisan cecair kecil akan muncul di hujung jarum.



- Sahkan bahawa Paparan Dos membaca "0"



6. Teruskan ke Bahagian 5:
Menetapkan dos yang ditetapkan oleh doktor anda.

5. Menetapkan dos yang ditetapkan oleh doktor anda

5.1. Pen mengandungi 300 IU/450IU/900IU follitropin alfa.

5.2. Putar tombol penetap dos sehingga dos yang anda perlukan ditunjukkan dalam Paparan Dos.




- Pusingkan tombol penetap dos ke depan untuk mendakar ke atas.



- Pusingkan tombol penetap dos ke belakang untuk membetulkan dos.

5.3. Menetapkan dos yang telah ditetapkan oleh doktor anda (dalam contoh yang ditunjukkan dalam rajah, ia adalah 50 IU).



Amaran: Pastikan Paparan Dos memaparkan dos ditetapkan anda sebelum anda bergerak ke langkah seterusnya.

6. Suntikan dos

6.1. Pilih tempat suntikan di kawasan doktor atau jururawat anda telah memberitahu anda untuk memberi suntikan. Untuk mengurangkan kerengsaan kulit, pilih tempat suntikan yang berbeza setiap hari.


6.2. Bersihkan kulit dengan mengelap dengan swab alkohol.

6.3. Mengesahkan sekali lagi bahawa Paparan Dos memaparkan dos yang betul.

6.4. Menyuntik dos seperti yang anda telah dilatih oleh doktor atau jururawat anda.

- Perlahan-lahan menolak jarum ke dalam kulit sepenuhnya.

- Tekan tombol penetap dos ke bawah sejauh mana ia akan masuk dan tahan untuk melengkapkan suntikan penuh.




• Pegang tombol penetap dos ke bawah untuk sekurang-kurangnya 5 saat untuk memastikan anda menyuntik dos sepenuhnya. Untuk dos yang lebih besar, semakin lama ia akan mengambil masa untuk menyuntik.

• Nombor dos ditunjukkan dalam Paparan Dos akan kembali ke 0.

• Selepas sekurang-kurangnya 5 saat, tarik jarum daripada kulit sambil mengekalkan tombol penetap dos ditekan ke bawah (3).

• Lepaskan tombol penetap dos.

Amaran: Sentiasa pastikan anda menggunakan jarum baru bagi setiap suntikan.



7. Selepas suntikan

7.1. Mengesahkan anda telah memberikan suntikan yang lengkap.

- Pastikan Paparan Dos menunjukkan "0".



Amaran: Jika Paparan Dos menunjukkan nombor yang lebih tinggi daripada 0, pen sedia berisi Gonal-F adalah kosong dan anda tidak menerima dos penuh ditetapkan anda.

7.2. Melengkapkan suntikan separa (hanya apabila diperlukan).

- Paparan Dos akan menunjukkan baki jumlah yang anda perlu menyuntik dengan menggunakan pen baru.




- Ulang Seksyen 3 (Sebelum mula menggunakan pen sedia berisi Gonal-F anda) sehingga Seksyen 4 ("Mendapatkan pen sedia berisi Gonal-F anda bersedia untuk suntikan") dengan pen kedua.

- Tetapkan dos dengan baki jumlah yang anda merekodkan di dalam diari rawatan atau nombor yang masih

dipaparkan dalam Paparan Dos di pen anda sebelum ini, dan menyuntik.

7.3. Mengeluarkan jarum selepas setiap suntikan.

- Letakkan sarung penutup luar jarum di atas permukaan yang rata.
- Pegang pen sedia berisi Gonal-F tegas dengan satu tangan, dan meletakkan jarum ke dalam sarung penutup luar jarum .
- Teruskan dengan menolak jarum yang ditutup terhadap permukaan yang kukuh sehingga anda mendengar bunyi "klik".




- Pegang sarung penutup luar jarum dan keluarkan jarum dengan memusingkan dalam anti-arah jam. Buangkan jarum yang digunakan dengan selamat.



- Jangan menggunakan semula jarum yang telah digunakan. Jangan berkongsi jarum.

- Menutup pen.



Sentiasa keluarkan jarum dari pen sedia berisi Gonal-F sebelum mengantikan sarung pen.

- Simpan pen dalam bungkusasalnya di tempat yang selamat.
- Apabila pen kosong, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuangnya.

Amaran: Ubat tidak boleh dibuang melalui air buangan atau buangan isi rumah.

7.4. Menyimpan pen sedia berisi Gonal-F.

AWAS: Jangan sekali-kali menyimpan pen dengan jarum yang disambungkan.